

# Sekolah buka macam biasa

■ Kementerian Pendidikan tidak terima permohonan penangguhan akibat banjir

Kuala Lumpur

**S**emua sekolah yang terabit dengan banjir akan memulakan sesi persekolahan tahun depan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan sebelum ini.

Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh berkata sehingga kini pihaknya tidak menerima aduan atau permohonan daripada pihak sekolah untuk menangguhkan sesi persekolahan.

"Tambah pula masih ada tempoh selama dua minggu sebelum sekolah dibuka dan kita yakin mereka (pihak sekolah) dapat menyelesaikan serta menelaraskan masalah yang dihadapi ekoran banjir," katanya.

Idris berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Persidangan MYEULINK - Kebolehgajian Siswazah dan Peranan Pendidikan Tinggi - Peluang dan Cabaran Abad Ke-21: Perspektif Malaysia dan Eropah, di sini, semalam.

Dua negeri dilanda banjir buruk awal bulan ini iaitu Terengganu dan Pahang.

Turut mengalami banjir ialah Johor dan Kelantan. Sesi persekolahan 2014 bagi Terengganu dan Kelantan akan bermula 1 Januari, manakala Pahang serta Johor pula 2 Januari.

Mengulas lanjut, Idris berkata kementeriannya akan menghantar buku teks baru kepada sekolah terlibat secepat mungkin agar sesi pembelajaran tidak terjejas, manakala bantuan peralatan

lain boleh diselia oleh pihak sekolah.

"Sekolah juga dibenarkan untuk membuat pesanan secepat mungkin tanpa perlu menunggu kelulusan dan kemudian mereka perlu maklumkan kepada kita (kementerian)," katanya.

Mengenai kerugian yang ditanggung akibat bencana itu, Idris berkata pihaknya masih menunggu laporan daripada sekolah.

Mengulas mengenai persidangan itu, Idris berkata secara keseluruhan sebanyak 80 peratus graduan dan 90 peratus penuntut jurusan teknikal di Malaysia mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pelajaran.

"Cabaran kita bukan hanya 'employability' (kebolehgajian), tetapi bagaimana untuk kita sediakan mahasiswa yang boleh 'adapt' (sesuaikan diri), dapat kemahiran dan pendedahan

bagi memastikan mereka boleh dapat kerja dalam pelbagai bidang yang semakin wujud dengan perkembangan teknologi yang pesat," katanya.

Idris juga berkata adalah penting untuk semua institusi pengajian tinggi memastikan tenaga pengajar mereka dilengkapi pengalamanan industri supaya mereka tahu situasi sebenar bidang pekerjaan.

Sementara itu, Duta dan Ketua Perwakilan Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia, Luc



IDRIS

Vandebon berkata krisis ekonomi di Eropah membuka peluang kepada perubahan dengan memperkenalkan program-program baharu seperti Pakej Pekerjaan Belia.

"Program itu yang dipersejuti pada April, menumpukan kepada peralihan daripada sekolah kepada bidang kerja menerusi skim jaminan belia.

"Skim itu menyasarkan belia berusia bawah 25 tahun akan ditawarkan sama ada pekerjaan, latihan atau meneruskan pengajian, dalam tempoh empat bulan mereka menamatkan pengajian atau diberhentikan kerja," katanya.

Lebih 200 peserta hadir persidangan sehari itu yang menyaksikan pakar akademik dan industri dari Malaysia dan Eropah membincangkan cabaran kebolehgajian siswazah serta merumuskan cadangan untuk menangannya pada masa depan. - BERNAMA

## FAKTA

Sesi persekolahan 2014 bagi Terengganu dan Kelantan bermula 1 Januari, manakala Pahang serta Johor 2 Januari